Aktiviti 3

Tulis perkataan, frasa dan ayat yang diimlakkan.

Akuarium Ikan Afian

Hobi Afian **membela** ikan. Oleh itu, ayahnya membuat sebuah akuarium ikan pada dinding rumah. Akuarium itu dijadikan sebagai hadiah bersempena dengan hari lahirnya.

Ayah Afian melepaskan ikan emas **ke dalam akuarium** itu. Afian selalu **memberi ikan** makan pelet.

Selepas beberapa bulan, ikan-ikan itu telah membesar. **Ikan-ikan itu juga telah bertelur**. Selepas itu, terdapat banyak anak ikan emas yang cantik di dalam akuarium itu.

Afian menjual anak ikan emas kepada kawan-kawannya. Dia mendapat wang untuk membeli makanan ikannya.

1. _____

2. _____

3. _____

4. _____

5. _____